

PERPUSTAKAAN UITM SARAWAK

KAJIAN PENGURUSAN PENGINAPAN DAN KESANNYA KEPADA
PEMBANGUNAN PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN SARAWAK

Nicholas Balawing (97315613)

Margaret Liut (97315565)

Jessica Nyordes (97315540)

Genevieve Peter Pani (96997029)

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Kajian Pentadbiran dan
Undang-undang Universiti Teknologi Mara Sarawak Untuk
Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk Memperolehi
Diploma Pentadbiran Awam

June 2000

ABSTRAK

Pengurusan penginapan kolej adalah merupakan salah satu badan pengurusan UiTMS kampus Samarahan. Ia adalah merupakan badan pengurusan yang mengurus mengenai soal makanan pelajar serta yang berkaitan dengan kemudahan pelajar dari segi fizikal seperti katil, meja belajar, lampu dan sebagainya.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa pengurusan penginapan kolej memainkan peranan yang agak penting kepada para pelajar untuk membolehkan mereka menjalani kehidupan selesa sepanjang tempoh mereka menuntut di UiTMS kampus Samarahan.

Skop kajian yang dibuat adalah meliputi kesan pencapaian pelajar dalam akademik kepada pembangunan pelajar itu sendiri. Selain itu, ia juga memberi penekanan kepada aspek lain seperti pandangan pelajar terhadap pihak kolej bila ada aduan, masalah yang sering dihadapi oleh pelajar serta pandangan pelajar tentang cara untuk meningkatkan keberkesanan pihak pengurusan penginapan kolej.

Malah, jika pengurusan penginapan kolej ini tidak dapat memberikan kemudahan dari segi fizikal yang mencukupi kepada para pelajar, ia boleh memberi kesan yang negatif terhadap pembangunan pelajar dari segi akademik. Ini adalah kerana keadaan sekeliling memainkan peranan yang penting dalam pembangunan seseorang pelajar itu terutamanya dari segi akademik.

KANDUNGAN

	Mukasurat
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
BAB 1 PENGENALAN KEPADA KAJIAN	
1.0 Latarbelakang Kajian	1
1.1 Kepentingan Kajian	3
1.2 Penyata Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	6
1.5 Hipotesis	7
1.6 Kekangan Kajian	8
BAB 2	
TINJAUAN LITERATURE	
2.0 Pengenalan	9
BAB 3 METODOLOGI	
3.0 Pengenalan	13
3.1 Data Primer	14
a) Temuduga	14

BAB 1

PENGENALAN KEPADA KAJIAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak yang dahulunya lebih dikenali sebagai Institut Teknologi Mara Cawangan Sarawak telah dinaikkan tarafnya sebagai universiti pada tarikh 29 Oktober 1999 setelah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia Yang Berhormat Dato' Seri Doktor Mahathir Mohammad.

Sebelum ini Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak bertempat di kawasan Batu Lintang, Kuching dan kemudiannya berpindah ke kampus Semenggok. Kemudiannya beberapa tahun selepas itu, Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak telah bertapak di kawasan Semariang dan kini telah di tempatkan di kawasan Kota Samarahan.

Kemudian penginapan turut disediakan bagi keselesaan para pelajar sepanjang tempoh pengajian mereka di sini. Ini juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan para pelajar di samping dapat memudahkan perjalanan pembelajaran.

Terdapat 6 buah blok kemudahan penginapan bagi pelajar siswi, manakala 4 buah blok kemudahan penginapan bagi pelajar siswa. Ini juga masing-masing disediakan kemudahan seperti televisyen sebagai salah satu sumber media maklumat yang dapat menyumbangkan ke arah pembangunan pelajar. Kedua-dua blok siswa dan siswi turut disediakan kemudahan sewaan penginapan bagi para pelajar yang sedang mengikuti pengajian di peringkat Ijazah. Yang lainnya untuk kemudahan pelajar yang mengikuti peringkat sijil, Pra-Diploma dan Diploma.

BAB 2

TINJAUAN LITERATURE

2.0 Pengenalan

Dalam keseluruhan hidup, kita sentiasa sahaja menjadi anggota bagi sesebuah organisasi seperti maktab, hostel, persatuan, badan perniagaan dan sebagainya. Setiap organisasi mempunyai perbezaan di antara satu sama lain dari pelbagai aspek seperti penginapan hostel oleh setiap Institut Pengajian Tinggi yang mungkin dikelolakan secara formal sekali. Walaupun setiap organisasi itu berbeza, namun kesemuanya tetap mempunyai beberapa matlamat dan objektif. Oleh itu, setiap organisasi mestilah mempunyai pemimpin atau pengurus yang bertanggungjawab bagi membantu dan mengurus organisasi untuk mencapai matlamatnya.

Pengurusan penginapan lebih mudah diuruskan sekiranya ia mempunyai anggota-anggota yang sudah dibahagikan dengan beberapa tanggungjawab yang tertentu dan peranan pengurus supaya kelihatan jelas dan mudah. Menurut Mary Porret Follet, pengurusan dapat disifatkan sebagai *“seni melakukan perkara-perkara tertentu melalui orang-orang lain”* ataupun yang lebih kompleksnya supaya dapat memahami aspek-aspek tambahan yang penting tentang pengurusan adalah proses merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Maka pengurusan meliputi usaha untuk mencapai matlamat-matlamat organisasi yang ditetapkan. Ini bermakna para pengurus sebarang organisasi, umpamanya Institut Pengajian Tinggi akan menyediakan prasarana seperti kemudahan penginapan untuk mencapai tujuan yang khusus, matlamat yang ditetapkan oleh pengurusan tersebut mungkin bertujuan memberi keselesaan kepada para penuntut supaya mendapat pendidikan yang